

UMNO Sabah mahu isu penggiliran selesai sebelum pilihan raya

UM 2 8 NOV 2003

PAPAR 27 Nov. – UMNO Sabah berharap isu penggiliran jawatan Ketua Menteri yang hangat diperkatakan secara terbuka pada masa ini termasuk oleh parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) dapat diselesaikan sebelum pilihan raya negeri tidak lama lagi.

Ketua Penerangan UMNO Sabah, Datuk Abdul Rahim Ismail berkata, UMNO Sabah akan mengumumkan pendirian rasmi mengenai isu berkenaan pada mesyuarat khas parti itu bulan depan, sebelum mengemukakannya pada mesyuarat BN negeri selepas itu.

Sistem yang diperkenalkan pada tahun 1994 oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad selepas BN memenangi pilihan raya, pada peringkat awalnya bertujuan untuk menstabilkan suasana politik dan pengenalan kepada amalan perkongsian kuasa di negeri itu.

Bagaimanapun, isu itu mula bangkit semula selepas Dr. Mahathir sendiri dan diikuti oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi baru-baru ini, menyerahkan ke-

pada rakyat Sabah untuk menentukan keputusan sama ada ia mahu diteruskan atau sebaliknya.

Beliau berkata demikian di kediamannya sempena Rumah Terbuka Aidilfitri di sini hari ini.

Kata Abdul Rahim lagi, mesyuarat khas parti itu menjadi wadah penting bagi UMNO untuk menyelesaikan isu penggiliran jawatan tersebut.

“UMNO Sabah akan membincangkan secara mendalam isu ini dengan mengambil kira maklum balas yang kita terima daripada akar umbi, para pemimpin masyarakat dan juga pemimpin parti daripada pelbagai peringkat,” katanya.

Mengakui

Abdul Rahim yang juga Menteri Pertanian dan Industri Makanan Negeri mengakui ‘semua mata’ kini tertumpu kepada mesyuarat khas parti itu.

Beliau berharap pendirian UMNO Sabah dalam mesyuarat itu nanti akan dapat meredakan sedikit perbincangan mengenai isu tersebut.

“Kita berharap kalangan pemimpin parti komponen BN di negeri ini berse-

dia mendengar apa yang akan kita katakan mengenai isu itu,” ujarnya.

Mengenai pilihan raya negeri pula, beliau berkata, UMNO Sabah sudah memperlengkapkan perediaan termasuk bilik gerakan di setiap bahagian dan kawasan mengundi.

“Jentera-jentera parti UMNO Sabah sekarang boleh digerakkan pada bila-bila masa untuk menghadapi pilihan raya,” katanya.

Mengenai kenyataan Pemangku Presiden UMNO bahawa hanya mereka yang boleh diterima rakyat sahaja dipilih menjadi calon UMNO, Abdul Rahim memberitahu, ia adalah tepat dan sememangnya pendirian UMNO mengutamakan kewibawaan seseorang calon.

“Memang kita dalam UMNO mengutamakan mereka yang diterima oleh rakyat dan boleh berkhidmat untuk rakyat, mereka yang rajin turun padang serta muka baru yang berpotensi.

Beliau berkata, UMNO memang tahu ada sesetengah pemimpin yang dulunya tidak bekerja, tetapi kini ‘tunjuk rajin’ apabila menjelang pilihan raya.